

KEGAGALAN BUKAN BERMAKNA SEMUANYA BERAKHIR

Oleh: Rodhiah binti Jamiri, 1171063,

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 18 Ogos 2020



Dalam kehidupan, kegagalan adalah sahabat yang pasti muncul dalam diri kita. Tidak kira waktu, tempat atau siapa golongannya.

Dari sekecil-kecil masalah hingga sebesar-besarnya pasti ada titik kegagalan yang menemui setiap yang hidup.

Ada kanak-kanak yang masih gagal membaca, mengira, menulis dan mengenal warna seperti kanak-kanak lain yang sebaya.

Ada pelajar yang masih gagal dalam peperiksaan walaupun sudah beberapa kali mencuba. Ada juga pasangan yang gagal mempertahankan perkahwinan mereka.

Namun, adakah kegagalan ini satu titik permulaan untuk melayari kehidupan yang lebih baik atau titik pengakhiran dalam kehidupan?

Tiada seorang pun yang menginginkan kegagalan. Namun, untuk melayari hidup yang bahagia dengan pelbagai kejayaan itulah yang perlu dihadapi.

Tiada kejayaan yang datang tanpa kegagalan. Bak kata pepatah, kejayaan tidak akan datang bergolek.

Kunci utama kepada kejayaan adalah usaha.

Tanpa usaha, kejayaan itu hanyalah seperti angan-angan Mat Jenin.

Usaha itu mestilah datangnya dari diri kita sendiri dengan sokongan daripada orang di sekeliling yang sentiasa memberikan semangat seperti keluarga dan rakan-rakan.

Ada orang yang berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat yang mereka tetapkan dan pelbagai cara dan usaha sanggup mereka lakukan untuk melihat kejayaan.

Namun, disebabkan gagal di tengah jalan, semangat mereka untuk terus berjuang menjadi luntur. Sehubungan itu, setiap orang harus memainkan peranan untuk terus memberi semangat kepada si pejuang.

RTAS	NAMA KERTAS	GRED KERTAS	NILAI GRED KERTAS
1	PENGAJIAN AM 1	B	3.00
1	BAHASA ARAB 1	D	1.00
1	SEJARAH 1	B-	2.67

AS	NAMA KERTAS	GRED KERTAS	NILAI GRED
	PENGAJIAN AM 2	C+	2.33
	BAHASA ARAB 2	B	3.00
	SYARIAH 2	C+	2.33
	SEJARAH 2	B-	2.67

KERTAS	NAMA KERTAS	GRED KERTAS	NILAI GRED KERTAS
00/1	PENGAJIAN AM 1	B-	2.67
13/1	BAHASA ARAB 1	C	2.00
30/1	SYARIAH 1	B+	3.33
40/1	SEJARAH 1	C+	2.33

KOD KERTAS	NAMA KERTAS	GRED KERTAS	NILAI GRED KERTAS
900/2	PENGAJIAN AM 2	D	1.00
930/2	SYARIAH 2	C-	1.67

Kegagalan juga berpunca dari sikap diri yang mengambil ringan terhadap sesuatu perkara. Kejayaan hanya akan datang kepada mereka yang betul-betul mengejanya.

Untuk menemui kejayaan, sikap mengambil berat dalam setiap perkara adalah sangat penting bagi memastikan impian kita tercapai.

Setiap masalah walaupun sekecil zarah haruslah dipandang serius kerana jika masalah itu dikumpul, tidak mampu untuk seseorang itu menanggungnya hingga akhirnya mereka gagal di persimpangan jalan.

Contohnya, seorang pelajar yang mengharapkan gred A dalam peperiksaan, namun persediaan yang dilakukan hanyalah sekadar melepaskan batuk di tangga. Adakah itu berbaloi dengan kejayaan yang diidamkannya?

Akhir sekali, setiap kegagalan itu Allah SWT turunkan kerana sifat kasih dan sayang kepada hamba-Nya. Seperti yang dijelaskan dalam ayat 286 surah al-Baqarah ,

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا أُكْتَسَبَتْ

Yang bermaksud: Allah tidak akan membebankan seseorang itu melainkan apa yang terdaya olehnya. Dia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya dan dia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya.

Kerana kasih dan sayang-Nya itulah, Dia menguji kita dengan apa jua jenis kegagalan dalam kehidupan kita.

Sebagai hamba, kita seharusnya yakin, reda dan tawakal dalam setiap apa yang diturunkan. Doa itu adalah senjata orang-orang mukmin.

Usaha tanpa doa itu ibarat debu yang ditiup di padang pasir. Selain itu, restu juga adalah salah satu kunci kepada kejayaan.

Restu kedua ibu bapa, guru-guru, rakan-rakan dan insan-insan yang sentiasa mendoakan kita.

Tanpa restu mereka, tidak datanglah kejayaan pada kita.